



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

IKRAR BEBAS RASUAH KESUMA

PUTRAJAYA - Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah yang merupakan *self declaration* yang dibuat oleh pimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah sepanjang mereka memegang jawatan tersebut. Ia membuktikan usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksklusif SPRM semata-mata.

Antara inisiatif antirasuah KESUMA adalah supaya semua Jabatan dan Agensi di bawah KESUMA menggunakan panduan dan standard *Anti-Bribery Management System* (ABMS). 4 Jabatan dan Agensi di bawah KESUMA yang telah diberi pensijilan MS ISO 37001 – *Anti-Bribery Management System* (ABMS) iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Insititut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp.). Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) sedang dalam proses mendapatkan persijilan ABMS daripada Badan Persijilan.

KESUMA menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim berhubung penglibatan di bawah Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional 2024 – 2028 yang telah dirasmikan pada 7 Mei 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Di bawah **Strategi 1: Pendidikan**, KESUMA merupakan **agensi peneraju** bagi **substrategi No. 7** iaitu **Memperkenalkan pelaksanaan modul atau kursus integriti dan antirasuah kepada pelatih TVET di institusi TVET**. Pelaksanaannya adalah dalam **jangka pendek** iaitu 1 hingga 2 tahun dengan penglibatan 11 lagi Kementerian pelaksana TVET serta SPRM sebagai Agensi Penyokong.

KESUMA juga merupakan salah satu **Agensi Penyokong** bagi **substrategi No. 9** di bawah **Strategi 1** iaitu **Mengukuhkan pelaksanaan kegiatan ko-kurikulum mengenai integriti dan pencegahan rasuah di institusi pengajian tinggi dan TVET yang melibatkan individu dan entiti swasta**. Substrategi ini akan diterajui oleh SPRM dan bersifat **jangka sederhana** iaitu 2 hingga 3 tahun. Turut menyokong substrategi ini adalah 11 Kementerian pelaksana TVET lain.

Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong dalam ucapannya semasa Perhimpunan Bulanan KESUMA berharap seluruh Jabatan dan Agensi di bawah KESUMA melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai menyokong usaha penambahbaikan integriti, governans dan antirasuah serta menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti dan tadbir urus terbaik dalam organisasi masing-masing.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
21 MEI 2024**